

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1 Jld.5()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 8 TAHUN 2025**

Tarikh : 25 Ogos 2025 (Isnin)

Masa : 10.00 pagi hingga 11.00 pagi

Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga, Aras 2
Bangunan MBSJ

Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Syed Fadleindra bin Syed Alias, Pengacara Majlis.

2.0 TAYANGAN PROGRAM MAJLIS BULAN OGOS 2025

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Ogos 2025 dipaparkan kepada ahli mesyuarat.

3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 7/2025

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 7/2025 bertarikh 29 Julai 2025 (Selasa) disahkan tanpa pindaan.

4.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 7/2025

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 7/2025 bertarikh 29 Julai 2025 (Selasa) disahkan dengan cadangan berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 6.5 & m/s 7	Puan Lee Jen Uyin	Kutipan Sampah Domestik	Beliau mencadangkan supaya Majlis menetapkan waktu kutipan sampah domestik dan membuat hebahan kepada penduduk di setiap kawasan. Maklum balas mesyuarat : Mesyuarat menetapkan supaya dilaksanakan perjumpaan di antara Ahli Majlis kawasan bersama-

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				sama pihak KDEB bagi menetapkan masa kutipan supaya hebahan kepada penduduk dapat dilaksanakan. Tindakan: Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

5.0 PENGESAHAN KEPUTUSAN DAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 14/2025 bertarikh 28 Julai 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang
Jaya Bil. 15/2025 bertarikh 7 Ogos 2025**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut:

**5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur,
Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya
Subang Jaya Bil. 8/2025 bertarikh 7 Ogos 2025**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 2.2 & m/s 3	Puan Lee Jen Uyin	Pembentangan Naiktaraf Sistem Perangkap Sampah Taman Bandar (Town Park), Bandar Puteri Puchong, Selangor Darul Ehsan	Beliau meminta supaya Majlis menyenaraikan semua kolam tadahan yang diselenggara oleh Majlis. Beliau mencadangkan supaya pemasangan sistem perangkap sampah ini diperluaskan ke semua kolam tadahan Majlis seperti yang

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				dipasang oleh pemaju di Town Park Bandar Puteri, Puchong. Maklum balas mesyuarat : Mesyuarat bersetuju cadangan tersebut dipertimbangkan setelah menilai keberkesanan perangkap sampah yang dipasang dan dijaga oleh pihak pemaju bagi projek di Town Park Bandar Puteri, Puchong selama setahun. Jabatan Kejuruteraan perlu menyediakan inventori kolam tadahan milik Majlis. Tindakan: Jabatan Kejuruteraan

5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil.8 /2025 bertarikh 13 Ogos 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 8/2025 bertarikh 14 Ogos 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	-	Puan Lee Jen Uyin	Penyerahan Tong Sampah Kepada Penduduk	Beliau memohon penjelasan berkenaan tarikh seterusnya bagi penyerahan tong sampah kepada penduduk yang masih belum menerimanya. Terdapat permohonan supaya penduduk boleh membuat kutipan tong sampah di

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				MBSJ. Maklum balas mesyuarat : Mesyuarat memaklumkan bahawa penyerahan tong sampah kepada penduduk dilaksanakan secara berfasa sehingga Disember 2025. Ahli Majlis kawasan boleh berbincang dengan Jabatan Pengurusan Alam Sekitar berkenaan lokasi pengambilan tong sampah. Tindakan: Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 8/2025 bertarikh 15 Ogos 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	-	Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim	Program Konvoi 'Rakyat Disantuni' Subang Jaya 2025	Beliau memaklumkan bahawa bersempena sambutan Hari Kebangsaan ke-68, MBSJ dengan kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 4 akan menganjurkan Program Konvoi 'Rakyat Disantuni' Subang Jaya 2025 pada 31 Ogos 2025 (Ahad) bertempat di The Summit USJ Mall, Subang Jaya. Program ini dianjurkan bagi menyemarakkan semangat patriotisme serta memperkukuh perpaduan komuniti setempat. Antara pengisian yang direncanakan adalah Kuiz Sempena Sambutan Kemerdekaan, Pertandingan Catur Anak Merdeka, Kempen Derma Darah serta Pemeriksaan Kesihatan dengan kerjasama Pusat Perubatan Universiti

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				Malaya (PPUM). Acara kemuncak program ini adalah perarakan konvoi yang dijangka disertai oleh sebanyak 30 buah kereta klasik pelbagai model yang bakal menyerikan suasana sambutan. Selain itu, para pengunjung turut berpeluang menyertai sesi bergambar bersama Lagenda Sukan yang hadir. Makluman
2.	-	Puan Lee Jen Uyin	Padang milik Majlis	Beliau memohon Jabatan Pembangunan Masyarakat menyediakan laporan inventori padang bola di bawah seliaan Majlis. Maklum balas mesyuarat : Mesyuarat meminta Jabatan Pembangunan Masyarakat menyediakan inventori penuh

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				semua padang bola dan padang awam di bawah seliaan Majlis. Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat

5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 8/2025 bertarikh 18 Ogos 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 5.11 & m/s 18	Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim	Permohonan Penyelarasan Elaun Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Subang Jaya	Beliau memohon supaya disemak semula keputusan mesyuarat bagi keputusan berikut : i. Cadangan pembelian cermin mata dan rawatan pergigian Ahli Majlis adalah 'unlimited' menggunakan peruntukan 'outpatient'.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				ii. Kemudahan broadband ditukarkan kepada elaun internet sebanyak RM 200.00 sebulan. Maklum balas mesyuarat : Mesyuarat memutuskan perkara berikut: i. Kadar peruntukan pembelian cermin mata dan rawatan pergigian adalah kekal seperti sedia ada, namun kelulusan khas boleh dipertimbangkan sekiranya terdapat baki peruntukan pada akhir tahun. ii. Kemudahan broadband akan ditarik balik dan diganti dengan elaun internet sebanyak RM 200.00 sebulan. iii. Penyelarasan elaun ini berkuatkuasa Januari 2026,

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				menggunakan peruntukan bajet tahun 2026. Tindakan: Jabatan Khidmat Pengurusan

5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 8/2025 bertarikh 18 Ogos 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 8/2025 bertarikh 19 Ogos 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 10.2 & m/s 5	Puan Lee Jen Uyin	Aduan bas Selangorku	Beliau mencadangkan supaya dibuat hebahan berkenaan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				talian hotline berkaitan aduan atau info Bas Selangorku di kawasan Majlis bagi memudahkan penduduk kerana terdapat aduan pergerakan bas yang tidak beroperasi mengikut masa yang ditetapkan. Maklum balas mesyuarat : Mesyuarat meminta Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik menyediakan poster berkaitan Bas Selangorku dengan meletakkan nombor talian yang boleh dihubungi dan informasi laluan serta masa perjalanan. Hebahan perlu dibuat di media sosial dan laman sesawang Majlis untuk makluman penduduk. Tindakan: Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

**5.10 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan
Korporat Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 3/2025 bertarikh
20 Ogos 2025**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.0 UCAPAN PENANGGUHAN

Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Cik Suzanah Hanim Wong, Ahli Majlis daripada Parti DAP.

7.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

Tarikh Disediakan : 25 Ogos 2025

“KITASELANGOR MAJU BERSAMA”

“MALAYSIA MADANI”

“MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI”

Disediakan oleh;



(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), S.M.S, A.M.N

Timbalan Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;



(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM), D.I.M.P

Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN

HADIR

1. YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, D.I.M.P. - Pengerusi
Datuk Bandar
2. YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, S.M.S., A.M.N. - Setiausaha
Timbalan Datuk Bandar Mesyuarat
3. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Timbalan Setiausaha

HADIR (AHLI MAJLIS)

- | | |
|--|---------------------|
| 4. Puan Lee Jen Uyin | - Ahli
Mesyuarat |
| 5. Encik M. Anbarasan a/l Murugesu | - " |
| 6. Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim | - " |
| 7. Encik Thomas Low Yew Sin | - " |
| 8. Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - " |
| 9. Encik Chia Yew Ken | - " |
| 10. Encik Thamilarusu a/l Sandayan | - " |
| 11. Puan Ng Seow Chen | - " |
| 12. Encik Thong Kim Fatt | - " |
| 13. Encik Mohd Tarmizi bin Lazim | - " |

14.	Encik Kamarul Hafiz bin Kamarudin	-	"
15.	Tuan Ir. Balachandran Naicker	-	"
16.	Encik Tey Han Cherk	-	"
17.	Puan Suzanah Hanim Wong	-	"
18.	Encik Tey Boon Kiat	-	"
19.	Encik Pravin a/l Murali	-	"
20.	Encik Tah Yap Keong	-	"
21.	Encik Parithi Vaanan a/l Ramasamy	-	"
22.	Encik Muhammad Fauzan bin Rosli	-	"
23.	Encik Khairol Basri bin M. Arif	-	"
24.	Encik Saidin bin Awang	-	"
25.	Encik Nanthakumar a/l Poapalan	-	"
26.	Puan Sri Devi a/p Chenchiah	-	"

(PEGAWAI MBSJ)

- | | |
|-----|---|
| 27. | Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan |
| 28. | Puan Hajah Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang |

29. Puan Sr. Aida binti Omar, A.M.S., MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
30. Encik Muhammad Azli bin Miswan, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
31. Puan Nik Zalina binti Megat Muda, CelO
Pengarah, Jabatan Pelesenan
32. Tuan Ir. Dr Hj. Mohd Ariffuddin bin Hj. Kamari
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
33. Tuan TPr. Hazman bin Mohd Mahayudin
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
34. Tuan Hj. Affandi bin Hj. Jaafar
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
35. Puan Hajah Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.P.C., P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
36. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
37. Tuan Sr. Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
38. Puan Sarina binti Saad
Pengarah, Jabatan OSC
39. Puan Sr. Nornizam binti Mohd Jusoh
Pengarah, Jabatan COB
40. Cik Haslinda binti Mohd Rantam, A.I.S
Pengarah, Jabatan Bangunan
41. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

42. Puan Dr. Nurnawwar binti Arpaaii
Timbalan Pengarah, Jabatan Kesihatan
43. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
44. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah Kanan, Unit Audit Dalam
45. Encik Mohd Herman bin Musanip
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Unit Integriti
46. Puan Mazlina binti Mustafa
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

URUS SETIA

47. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
48. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
46. Encik Muhammad Zulfikar bin Jalaltheen
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Puan Sarawati binti Mukhtar - Ahli Majlis
2. Puan Ts. Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

